

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1991/92

Oktober/November 1991

YMP 204 - Kewartawanan I

Masa: [3 jam]

---

Jawab Soalan No. 1 dan DUA (2) soalan lain.

1. Baca teks ucapan Y. Bhg. Datuk Haji Musa Mohamad, Naib Canselor, USM di Majlis Pelancaran Sekretariat Falsafah dan Sains Islam (sila lihat lampiran). Berdasarkan teks ucapan tersebut, tulis sebuah berita lengkap. Andaikan majlis tersebut diadakan di sini pada hari ini dan anda menulis berita tersebut untuk sebuah akhbar nasional.

(50 markah)

2. Ciri-ciri nilai-berita di negara maju dan negara dunia ketiga berbeza. Bincangkan ciri-ciri nilai-berita tersebut dalam konteks negara dunia ketiga serta nyatakan perbezaannya dengan nilai-berita di negara maju?

(25 markah)

3. Akhbar di Malaysia dalam berbagai bahasa yang berbeza memberi sumbangan dalam mewujudkan masyarakat yang berpuak-puak mengikut keturunan masing-masing. Bincangkan tajuk ini dengan memberi perhatian kepada sejarah awal perkembangan akhbar dalam berbagai bahasa ini dan kandungan akhbar tersebut.

(25 markah)

4. Kelemahan/masalah dalam sistem libertarian membawa kepada teori tanggungjawab sosial dalam perakhbaran. Bincangkan kelemahan ini dan nilaikan sama ada teori tanggungjawab sosial menolong mengatasi masalah tersebut.

(25 markah)

...2/-

5. "Two guard rails keep Malaysia's press on the straight and narrow. First is a set of laws ..... and the second is self-censorship ....." (Far Eastern Economic Review, 28 Feb 1985).

Terjemahan: "Dua landasan kawalan memastikan akhbar di Malaysia lurus dan sempit. Yang pertama ialah undang-undang ..... dan yang kedua ialah penapisan sendiri ....."

Sejauh manakah anda bersetuju dengan kenyataan di atas. Bincangkan dengan ringkas undang-undang yang dimaksudkan.

...3/-

(25 Markah)

(LAMPIRAN)

Ucapan Aluan Datuk Haji Musa Mohamed  
Di Majlis Pelancaran Sekretariat Falsafah dan Sains Islam

Y.B. Dato' Sri Anwar Ibrahim, Menteri Pendidikan Malaysia,  
Y.B. Ahli-Ahli Exco Kerajaan Negeri Pulau Pinang,  
Y. Bhg. Datuk-Datuk,  
Dekan-Dekan, Pengarah-Pengarah, Ketua-Ketua Jabatan,  
Profesor-Profesor, Pensyarah-Pensyarah  
Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

Assalamu'alaikum warohmatullahi wabarakatuh.

Alhamdulillah, syukur kepada Allah, kerana di atas limpah dan kurnia-Nya kita dapat berhimpun di dewan ini pada pagi yang mulia ini untuk upacara pelancaran Sekretariat Falsafah dan Sains Islam, Universiti Sains Malaysia.

Sebagai Naib Canselor Universiti ini saya ingin pertama sekali mengalu-alukan kedatangan Y.B. Dato' Sri Anwar Ibrahim dan mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesudiannya melancarkan Sekretariat ini dan seterusnya merasmikan pejabatnya. Saya juga merasa gembira dan berterima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat, Datuk-Datuk, Profesor-Profesor, tuan-tuan dan puan-puan sekalian kerana sudi menghadirkan diri di majlis perasmian ini.

Sekretariat Falsafah dan Sains Islam telah ditubuhkan pada tahun 1989 bersesuaian dengan salah satu resolusi Seminar Antarabangsa Falsafah dan Sains Islam yang telah diadakan di Universiti ini dalam tahun yang sama. Matlamat akhirnya ialah untuk menghidupkan dan mengembangkan kedua-duanya falsafah dan sains menurut jurus pandang Islam. Ini bertepatan dengan perkembangan-perkembangan mutakhir dalam dunia keilmuan di Timur dan Barat yang memperlihatkan kecenderungan yang semakin kuat untuk menyoal paradigma-paradigma masa kini dan mencari alternatif-alternatif bagi masa hadapan.

Hingga masa ini telah lebih dari satu abad berbagai jenis pemikiran Barat moden dalam segala bidang keilmuan, termasuk falsafah dan sains, telah diterima dengan begitu meluas di Barat dan juga di Timur. Penerimaan ini di satu segi menguntungkan manusia sejagat, tetapi di segi yang lain banyak pula menimbulkan masalah dan kekacauan dalam hidupnya. Manusia memperoleh keuntungan dari pemikiran-pemikiran ini dalam ertikata ia telah banyak membantunya menguasai alam fizikal dan justeru itu mencapai kemajuan material. Sebaliknya, pemikiran-pemikiran ini juga telah menimbulkan masalah dan keresahan pada manusia terutama kerana sifatnya yang reduksionistik, yakni yang melihat realiti sebagai terdiri dari satu dimensi sahaja.

...4/-

(Lampiran)

Pemikiran-pemikiran falsafah dan sains Barat moden sesungguhnya mempunyai ciri-ciri asasi yang sentiasa membangkitkan tanda tanya, malah menimbulkan kekacauan dalam kehidupan manusia. Pertamanya, pemikiran-pemikiran ini mempunyai andaian bahawa manusia itu sendiri hanya terdiri dari jirim dan minda. Bagi alam pula andaianya sejak Descartes dan Newton ialah ia satu realiti fizikal yang otonomuos. Kedua-dua andaian ini menimbulkan kekacauan pada manusia yang merasakan secara tulen bahawa dirinya dan alam sekitarnya mempunyai dimensi lain lagi yang melampaui jirim dan minda.

Dari segi matlamatnya pemikiran-pemikiran ini kini hanya berminat untuk penaklukan/penguasaan alam dan untuk keuntungan material. Di zaman Renaissance sains Barat moden masih lagi mempunyai matlamat mencari kebenaran, walaupun sekadar dalam ertikata pemahaman "hukum-hukum alam." Tetapi kini yang tinggal hanyalah soal pencarian konsistensi yang berkait terus dengan matlamat penaklukan alam fizikal dan keuntungan material. Matlamat seperti ini tentulah tidak serasi dengan manusia yang pada dasar kehidupannya terdapat keperluan-keperluan lain yang melebihi kehendak materialnya.

Dari segi kaedah pula pemikiran-pemikiran ini hanya menerima kaedah empirikal dan rasional sahaja sebagai jalan yang sah untuk sampai kepada kebenaran. Ini lagi sekali menimbulkan kesukaran dan kekacauan kerana manusia tidak hanya mempunyai pancaindera dan akal rasional sebagai alat pencapaian ilmu; begitu juga tidak semua fenomena dan unsur alam dapat diterangkan dengan sempurna secara empirikal atau rasional.

Pemikiran-pemikiran falsafah dan sains seperti ini sebenarnya telah mula dipersoalkan di Barat sendiri sejak beberapa dekad yang lalu, dan kini kritikan terhadap terdapatnya bertambah tajam serta kelemahannya menjadi lebih ketara lagi. Dalam bidang falsafah, umpamanya, terdapat tokoh-tokoh besar di Eropah seperti Rene Guenon dan Frithjof Schuon yang telah memberi kritikan hebat terhadap paradigma yang wujud yang telah menimbulkan apa yang digelar oleh Guenon sebagai the reign of quantity. Di Amerika pula dapat disaksikan bagaimana Huston Smith, ahli falsafah ulung masa kini mendedahkan kelemahan-kelemahan modern Western mindset yang katanya bertanggungjawab membawa manusia ke jurang nihilisme. Kesemua ahli falsafah ini tidak sahaja mengkritik paradigma yang ada, tetapi mengemukakan pula paradigma alternatif yang berasaskan tradisi agama, terutamanya Islam.

Kadaan dan usaha yang sama juga terdapat di dalam bidang sains. Dalam fizik teoritis di mana pengkaji-pengkaji telah berada di sempadan antara jirim dengan yang melampauinya,

...5/-

terdapat kritikan terhadap paradigma-paradigma yang berasaskan falsafah mekanistik yang diajar oleh Newton. Ahli-ahli fizik ini dengan jelas dan tegas menunjukkan bahawa ada fenomena-fenomena yang tidak dapat dihuraikan dengan memuaskan melalui kaedah empirikal, kerana pada hakikatnya fenomena-fenomena ini bersifat rohani, atau berada dalam dimensi the implicate order seperti kata David Bohm. Inilah sebabnya kenapa tokoh-tokoh fizik quantum seperti Frithjof Capra cuba mengemukakan paradigma baru yang lebih holistik dengan memanfaatkan ajaran-ajaran falsafah kerohanian Timur, terutamanya Taoisme. Inilah juga sebabnya Prof. Abdus Salam, yang pernah berceramah di Universiti ini, kini sibuk meneliti teori atom yang terdapat dalam tradisi Islam. Kritikan-kritikan dan saranan-saranan yang sama juga sebenarnya dapat disebutkan lagi, umpamanya, dalam konteks sains-neuro. Dalam bidang ini suara yang lantang datang terutamanya dari Caril Pribram yang mengemukakan model minda holografik dan dari Sir John Eccles, seorang pemenang Hadiah Nobel.

Begitulah, falsafah dan sains yang dominan kini telah diperlihatkan kelemahan-kelemahan dan kekurangan-kekurangannya, dan lantaran itu usaha-usaha ke arah perubahan paradigma sedang dijalankan dengan pesatnya. Dalam konteks ini cita-cita dan usaha kita untuk menegakkan dan mengembangkan falsafah dan sains Islam tentulah amat kena pada masanya.

Islam ialah din iaitu agama dan cara hidup yang menyeluruh, yang berasaskan wahyu yang jelas dari Allah Yang Maha Esa. Falsafah dan sains Islam juga berasaskan wahyu dan bertitik-tolak dari fahaman Tauhid. Falsafah dan sains ini mengandaikan manusia sebagai makhluk yang sempurna, yakni selain dari mempunyai jasad dan minda ia juga mempunyai roh dan jiwa. Tentang alam pula andaianya ialah bahawa ia memperoleh wujud dari dimensi kerohanian, khususnya dari Tuhan. Justeru itu ia bukanlah jirim yang mekanistik; sebaliknya ia ialah ayat atau tanda Allah yang kewujudannya juga bergantung kepada Allah. Andaian-andaian ini tentulah merupakan asas yang lebih sempurna untuk penerokaan falsafah dan sains yang lebih bermakna.

Falsafah dan sains Islam memang mengambil kira keuntungan material, namun ini diusahakan dengan sikap yang lebih bertanggungjawab terhadap alam, yakni dengan memelihara di samping mememanfaatkannya. Tetapi, lebih dari ini, falsafah dan sains Islam meletakkan pencarian kebenaran sebagai matlamat akhirnya. Pencarian, atau lebih tepat penemuan, kebenaran inilah yang memperkukuhkan pertalian manusia dengan Tuhannya yang menjadi syarat utama bagi kehidupan manusia yang lebih sempurna dan bahagia.

Dari segi epistemologinya pula falsafah dan sains Islam dapat menerima berbagai sumber ilmu sebagai saling lengkap melengkapi. Ini termasuk wahyu, ilham, pemikiran rasional dan

...6/-

pemerhatian empirikal. Sikap ini bersesuaian dengan hakikat kejadian manusia sendiri yang mempunyai berbagai fakulti kognitif seperti akal penuh (al-aql kully/intellectus), akal serpihan (al-aql juz'i/ratio) dan pancaindera. Ia juga bertepatan dengan hakikat alam yang tidak semua unsurnya dapat digarap oleh pancaindera atau akal biasa. Pendirian ilmiah yang seperti ini bukan sahaja serasi dengan subjek yang merenung dan objek yang direnung, malah dapat pula mengelak manusia dari terjebak di dalam krisis epistemik seperti yang berlaku di dalam falsafah dan sains Barat moden kini.

Soalnya, sekarang bagaimanakah falsafah dan sains yang holistik ini, yang memang ada di dalam tradisi keilmuan Islam, dapat ditegakkan semula dan dikembangkan dengan sebaik-baiknya? Pada pandangan saya tidak ada jalan lain untuk merealisasikan cita-cita murni ini selain dari menggembeling sebanyak mungkin tenaga dan merancang usaha dengan sebaik-baiknya. Tugas berat ini pula harus dilaksanakan sekurang-kurangnya pada tiga peringkat.

Peringkat pertama ialah peringkat wacana dan perbahasan yang mendalam. Pada peringkat ini sebanyak mungkin sarjana perlu dilibatkan untuk berinteraksi bagi mengkaji segala masalah yang dihadapi, menyelidik jawapan-jawapan yang sedia ada di dalam khazanah keilmuan Islam, dan memberi alternatif-alternatif yang bersesuaian dengan masa kini.

Peringkat kedua ialah peringkat perumusan wacana. Peringkat ini memerlukan daya usaha mereka yang benar-benar pakar dan matang di dalam bidang keilmuan masing-masing; saya maksudkan tokoh-tokoh seperti Prof. Seyyed Hossein Nasr, Prof. Syed Muhammad Naquib al-Attas dan Prof. Ali Ashraf. Rumusan-rumusan yang dibuat oleh tokoh-tokoh ini perlulah mengambil kira semua wacana dan penyelidikan, dan dibuat di dalam bentuk buku-buku panduan yang mudah diperolehi dan digunakan oleh sarjana-sarjana lain yang berminat dengannya.

Peringkat ketiga dan terakhir ialah peringkat pengaplikasian. Peringkat ini tidak sahaja bermakna pemahaman rumusan di atas secara teoritis oleh sarjana-sarjana lain, tetapi juga penggunaan teori-teori yang terdapat di dalam rumusan tersebut secara amali dalam kehidupan seharian. Hanya apabila ini berlaku barulah falsafah dan sains dapat benar-benar membawa kesejahteraan kepada manusia.

Dalam konteks kerangka tugas inilah saya melihat peranan yang dapat dimainkan oleh Sekretariat Falsafah dan Sains Islam. Sekretariat ini ialah satu mata rantai di dalam rangkaian institusi dan sarjana yang berminat untuk menegakkan dan memajukan falsafah dan sains Islam. Keunikannya ialah peranannya

...7/-

(Lampiran)

sebagai penggalak dan penyelaras dalam ketiga-ketiga tahap yang disebutkn di atas. Kejayaan peranan ini tentulah banyak bergantung kepada kejayaannya dalam perhubungannya dengan institusi-institusi lain dan dengan sarjana-sarjana dalam bidang berkenaan. Saya benar-benar berharap dan berdoa Sekretarian dapat menjalankan fungsi yang berat ini dengan sempurna. Pada masa yang sama saya juga berharap institusi-institusi lain dan para sarjana dalam falsafah dan sains Islam dapat memberikan kerjasama yang sewajarnya.

Sekian, wabillahi taufik wal hidayah. Assalamu'alaikum warohmatullahi wabarokatuh.

-oooOooo-